

**MANIFESTASI PERPADUAN DALAM ERA MALAYSIA BAHARU
MELALUI KUMPULAN PANTUN WARISAN**

MADIAWATI MAMAT@ MUSTAFFA
atie@um.edu.my

NURHAMIZAH HASHIM
aaee@um.edu.my

EIZAH MAT HUSSAIN
eizah@um.edu.my

*Jabatan Kesusastraan Melayu
Akademi Pengajian Melayu
Universiti Malaya*

ABSTRAK

Perpaduan merupakan penyatuan yang utuh dalam membentuk sebuah masyarakat yang berbilang kaum. Perpaduan juga merupakan aset negara yang amat penting dan merupakan tulang belakang kepada kemajuan sesebuah negara. Konsep ini penting dalam membina Malaysia Baharu yang sering diperkatakan pada hari ini. Dalam konteks Malaysia Baharu pelbagai kaum ingin memperjuangkan hak masing-masing, namun perlu diingatkan bahawa perpaduan antara kaum yang telah dijaga selama ini tidak pernah sama sekali tercalar akibat kehendak masing-masing. Justeru itu, perpaduan antara kaum perlu dipelihara dan diamalkan supaya Malaysia baharu yang dibentuk sentiasa berada dalam keadaan aman dan makmur. Dalam konteks ini, warisan Melayu seperti pantun banyak mendokumentasikan tentang kehidupan masyarakat dahulu yang juga masih boleh diterima pakai pada hari ini dalam membina sebuah negara yang makmur. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan mengenal pasti dan membincangkan pantun-pantun perpaduan yang terdapat dalam buku *Kumpulan Pantun Warisan* bagi mengungkap kembali kaedah masyarakat kita mengekalkan perpaduan pada suatu masa dahulu. Kajian ini akan menggunakan kaedah analisis data bagi meneliti pantun-pantun yang berunsurkan perpaduan dalam *Kumpulan Pantun Warisan Khazanah Budaya Bangsa* (2013). Hasil kajian mendapati bahawa warisan atau khazanah Melayu dahulu mengandungi aspirasi yang jelas dan merentas zaman dalam memelihara nilai perpaduan. Melalui Pantun, masyarakat menyampaikan nasihat berunsur perpaduan dari pelbagai aspek, antaranya hormati-menghormati, menghormati jiran, budi bahasa, kerjasama, gotong-royong, muafakat, tolong-menolong, bertolak ansur antara satu sama lain dan bersatu padu. Sekali gus ini dapat menggambarkan aspirasi Pengajian dunia Melayu dalam membentuk kesejahteraan dalam Malaysia lama ataupun Malaysia baharu.

Kata kunci: Perpaduan; aset negara; Pantun Warisan; Malaysia baharu; berbilang kaum

MANIFESTATION OF UNITY IN THE NEW MALAYSIA ERA THROUGH THE KUMPULAN PANTUN WARISAN ABSTRACT

Unity is the strong unification in forming a multiracial society. Unity is also a very important country's asset and it is the backbone to the development of a country. This concept is important in building a New Malaysia that is often discussed nowadays. In the context of New Malaysia, various races want to fight for their own rights, but it should be reminded that the unity between races that has been taken care all these while has never been scratched because of their wills. Hence, the unity among races must be preserved and practiced so that the New Malaysia will always be in peace and prosperous. In this context, the Malay heritage such as *pantun*, documented a lot on the life of the previous society which still can be accepted today in building a prosperous country. Hence, this study will identify and discuss the *pantun* with the theme of unity found in the *Kumpulan Pantun Warisan*'s book in order to re-elaborate our community's method in maintaining the unity in the past. This study will use the data analysis method to examine the unity oriented *pantun* in the *Kumpulan Pantun Warisan Khazanah Budaya Bangsa* (2013). The findings show that the previous Malay heritage or treasures contained clear and across time aspirations in preserving the unity. Through *pantun*, the community delivers the unity advice from various aspects, including respect, respecting neighbors, courtesy, cooperation, tolerance with each other, and unity. Thus, it portrays that the aspirations of the Malay world Studies in shaping the well-being in the old and also new Malaysia.

Keywords: Unity; country's asset; Pantun Warisan; new Malaysia; multiracial

PENGENALAN

Era Malaysia Baharu merupakan suasana atau keadaan negara Malaysia yang mempunyai sebuah kerajaan, dasar, corak dan sistem pemerintahan atau landskap politik yang berbeza dengan yang sebelum ini. Ungkapan Malaysia Baharu membawa makna yang menjurus kepada tema “perubahan baru” atau boleh dikatakan sebagai “pembaharuan” (Perdana Digital, 2018:3). Dalam memperkatakan tentang Malaysia Baharu, pelbagai tanggapan dan pendapat disuarakan oleh masyarakat pelbagai kaum yang ingin memperjuangkan hak masing-masing. Namun perlu dingatkan bahawa perpaduan antara kaum yang telah dijaga selama ini tidak pernah sama sekali tercaltar akibat memenuhi kehendak masing-masing. Justeru itu, perpaduan dalam masyarakat perlu diperlihara dan diamalkan supaya Malaysia baharu yang dibentuk sentiasa berada dalam keadaan aman dan harmoni. Aspek perpaduan banyak diperkatakan dalam karya kesusastraan Melayu kerana karya sastera memaparkan nilai-nilai positif yang secara langsung atau tidak langsung dapat menyedarkan dan memajukan pemikiran masyarakat.

Sastera Melayu menjadi salah satu mekanisme yang boleh digunakan untuk memupuk semangat muhibah, harmoni dan kemesraan antara kaum.(Chew Fong Peng, 2009:16). Kesemua ini dapat ditanggapi melalui karya sastera sama ada moden atau tradisional. Misalnya, pantun sebagai warisan atau khazanah Melayu memaparkan banyak nilai perpaduan, penyatuan dan keharmonian hidup dalam masyarakat majmuk. Hal ini kerana persekitaran masyarakat Melayu

tradisi ketika itu telah menggunakan pantun dan ungkapan Melayu yang menghasilkan susunan kata-kata yang indah, bermakna dan menarik sehingga menterjemahkan jiwa, seni, kebijaksanaan dan budi bahasa Melayu (Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza'ai, 2012: 156). Pantun sebagai salah satu bentuk komunikasi yang menunjukkan *genius* orang Melayu menyampaikan pandangan dan akal budinya terutama dalam menyuarakan aspek perpaduan dalam masyarakat.

Justeru itu makalah ini akan meneliti dan mengkaji pantun-pantun yang berunsurkan perpaduan yang terdapat dalam *Kumpulan Pantun Warisan Khazanah Budaya Bangsa* (2013), bagi menjelaskan aspek perpaduan dalam pelbagai sudut yang boleh menjadi rujukan dalam mengekalkan keharmonian dalam era Malaysia baharu. Perkara ini kerana melalui pantun, masyarakat menyampaikan nasihat berunsur perpaduan dari pelbagai aspek, antaranya hormati-menghormati, menghormati jiran, budi bahasa, kerjasama, gotong-royong, muafakat, tolong-menolong, bertolak ansur antara satu sama lain dan bersatu padu. Selain itu, teks *Kumpulan Pantun Warisan Khazanah Budaya Bangsa* mengandungi 25 000 rangkap pantun yang dikumpulkan hasil penganjuran pertadingan penciptaan pantun oleh Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).

KONSEP PERPADUAN

Perpaduan merupakan penyatuan dalam perbezaan dan aspek ini merupakan asas pembinaan keharmonian sesebuah negara yang berbilang kaum seperti Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Perpaduan masyarakat juga diibaratkan sebagai tiang kemakmuran dan kedamaian negara di samping menyumbang kepada keamanan dan kestabilan. Sekiranya kepelbagaiannya menjadi punca percanggahan dan pertelagahan, suasana damai yang diimpikan dilihat sukar untuk dikekalkan sekiranya setiap etnik bersifat etnosentrik. Situasi ini pernah termaktub dalam sejarah negara apabila meletusnya peristiwa berdarah 13 Mei 1969 yang menyebabkan hubungan etnik di Malaysia berada dalam keadaan yang begitu genting dan tegang. Suasana kucar-kacir, pertumpahan darah, keganasan dan kematian amat membimbangkan terutamanya bagi mereka yang pernah melalui sendiri detik tersebut (Abdul Rahman Ismail 2007). Menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*, perkataan perpaduan berasal daripada kata akar “padu”, iaitu yang bererti bergantung, bersatu, bercampur untuk menjadi satu, kukuh dan utuh, bermuafakat dan berunding dengan bersungguh-sungguh. Justeru itu, konsep-konsep yang berkaitan dengan perpaduan perlu diambil kira dalam mengekalkan kemakmuran negara yang pelbagai kaum.

Penyataan tentang perpaduan bermula sejak dahulu lagi melalui karya-karya sastera yang merupakan manifestasi kehidupan masyarakat. Pelbagai konsep dan nilai-nilai diterjemahkan dalam pelbagai genre, antaranya seperti genre pantun, syair, hikayat, cerpen dan novel. Di Malaysia, sastera Melayu digunakan sebagai media untuk menggambarkan hubungan antara etnik sejak sastera tradisional lagi. Misalnya dalam Sejarah Melayu, Tun Sri Lanang melukiskan hubungan antara Melayu dengan bukan Melayu yang terdiri daripada orang Arab, Cina, Keling, Burma di Melaka. Begitu juga dalam Hikayat Hang Tuah, turut dicerminkan hubungan

Melayu dengan orang Siam, Cina, Rom dan lain-lain yang digambarkan secara positif dan baik (Chew Fong Peng, 2007).

Penerapan nilai perpaduan juga menjamin keselamatan dan kesejahteraan negara. Ding Choo Ming (2005: 17), ada menjelaskan bahawa perpaduan negara yang berkait erat dengan keselamatan dan juga yang boleh menentukan pembangunan negara adalah atas kepada pengekalan kemakmuran kita bersama. Dalam konteks kajian ini, konsep perpaduan yang dibincangkan adalah dengan merujuk kepada manifestasi perpaduan yang terdapat dalam pantun-pantun kajian, antaranya seperti teras nilai murni yang merangkumi nilai budi bahasa, sopan santun, bersatu padu dan hormat-menghormati antara satu sama lain. Kesemua konsep tersebut merupakan atas pembinaan pemuafakan dalam sesebuah masyarakat, lebih-lebih lagi dalam era Malaysia Baharu yang masyarakat mempunyai kebebasan untuk bersuara. Justeru itu teras murni yang menjadi intipati ke arah perpaduan perlu diteliti agar masyarakat tidak leka dengan menuntut kehendak masing-masing tanpa memikirkan penerapan nilai murni yang menjadi teras masyarakat selama ini.

METODOLOGI

Makalah ini menggunakan kaedah kepustakaan dengan merujuk buku *Pantun Warisan; Khazanah Budaya Bangsa* sebagai korpus data kajian, artikel jurnal dan buku-buku yang berkaitan dengan topik kajian. Kaedah kajian ini hanya melibatkan kaedah analisis kandungan teks yang menggunakan konsep perpaduan sebagai teras perbincangan dalam makalah.

MANIFESTASI PERPADUAN MASYARAKAT DALAM KUMPULAN PANTUN WARISAN KHAZANAH BUDAYA BANGSA

Dalam konteks Malaysia pada masa kini, iaitu sebuah negara berbilang kaum dengan kira-kira 60 peratus warganegaranya menganut agama Islam, 40 peratus yang lain pula menganut pelbagai agama. Hakikatnya, bukan sahaja agama yang dianuti warga Malaysia berbeza, malahan bahasa, budaya dan taraf sosio-ekonomi juga tidak sama. Untuk mewujudkan negara yang aman dan harmoni semangat perpaduan amat penting bagi sesebuah masyarakat. Perpaduan merupakan atas dalam pembinaan negara bangsa dan harus dipupuk amalannya dalam masyarakat berbilang kaum di Malaysia. Dalam memupuk perpaduan ini karya sastera, antaranya genre pantun menjadi aspirasi dalam menyampaikan nilai-nilai murni kepada masyarakat sebagai teras perpaduan dalam sesebuah negara.

Pantun merupakan bait-bait kata dalam susunan bahasa yang indah berfungsi sebagai salah satu medium komunikasi dalam masyarakat. Pemilihan kata disusun dengan peraturan-peraturan tertentu dan makna juga menggambarkan falsafah masyarakat yang mengamalkannya sudah tentu mengandungi nilai-nilai murni yang boleh dimanfaatkan oleh masyarakat. Pelbagai nilai, nasihat serta pemikiran dan pandangan hidup dapat diungkapkan dalam bentuk yang kreatif.

Azam Hamzah (1990: 25- 26) mengatakan nilai – nilai keluhuran yang terpapar dalam teks sastera akan dapat melahirkan sebuah masyarakat yang luhur tentang nilai kemanusiaan

berbanding kebendaan, nilai-nilai sastera dapat membentuk sebuah masyarakat yang bertamadun. Oleh kerana makalah ini adalah satu kajian awal, maka berdasarkan 25 000 rangkap pantun yang terkandung dalam *Kumpulan Pantun Warisan Khazanah Budaya Bangsa* (2013), hanya sembilan rangkap pantun akan dianalisis menerusi aspek pantun perpaduan. Justeru itu, banyak ditemui pantun-pantun yang mengandungi nilai-nilai murni sebagai teras perpaduan yang disampaikan melalui medium berkenaan. Hal ini menunjukkan kearifan masyarakat dalam menuturkan pantun-pantun untuk menyemarakkan semangat perpaduan dalam kehidupan masyarakat yang berbilang kaum. Contohnya pantun-pantun perpaduan seperti berikut:

Dari serom pergi Kuala,
Singgah di Cemor beli keria;
Perpaduan kaum tunjang negara,
Aman makmur di mata dunia.

(*Pantun Warisan*, 2013: 583)

Harimau garang suka mengaum,
Singa bengis mencari mangsa;
Perpaduan antara berbilang kaum,
Menjadi lambang perpaduan negara.

(*Pantun Warisan*, 2013: 614)

Bijak Hikayat burung bayan,
Sambal bicara mendendang lagu;
Perpaduan erat teras kejayaan,
Teruskan usaha bersatu padu.

(*Pantun Warisan*, 2013: 93)

Kedua-dua pantun secara langsung memperkatakan tentang kepentingan perpaduan dalam masyarakat yang berbilang kaum. Perpaduan yang wujud dalam sesebuah negara menjadi tunjang keamanan dan kemakmuran dalam negara dan di mata dunia. Perpaduan dalam negara pelbagai kaum melahirkan toleransi yang menjurus kepada penerimaan dan meraikan kepelbagaiannya kaum, adat serta budaya masyarakat negara ini. Persoalan perpaduan ini dapat dilaksanakan melalui nilai murni yang menjadi teras perpaduan sesebuah negara. Antara nilai murni tersebut ialah perpaduan melalui rukun negara, berbudi bahasa, bersatu padu dan menghormati jiran.

Teras nilai murni ini amat penting dalam pembinaan negara bangsa dan ini secara jelas dinyatakan dalam prinsip rukun negara, iaitu kesopanan dan kesusilaan. Aspek ini menekankan pembinaan sahsiah masyarakat yang bersopan santun dan bertatasusaha dalam membentuk masyarakat yang harmoni dengan budi pekerti yang baik. Dalam konteks masyarakat yang majmuk, rasa saling menghormati antara satu sama lain menjadi teras asas dalam melahirkan warganegara yang bermoral tinggi. Selain itu, teras perpaduan dapat dicapai melalui Rukun Negara yang menjadi tunjang kepada perpaduan kaum di negara ini. Hal ini dapat diungkapkan dalam pantun berikut:

Abu membela seekor kera,

Diberi makan hingga gemuk;
Rukun negara perpaduan negara,
Jamin perpaduan masyarakat majmuk.
(*Pantun Warisan*, 2013: 2)

Pantun tersebut bermaksud bahawa Rukun Negara sebagai satu teras perpaduan dalam masyarakat yang majmuk. Terdapat lima Rukun Negara yang bersifat sebagai ideologi kebangsaan yang boleh mengeratkan perpaduan kaum memandangkan hampir kesemua kaum mempunyai fikiran, perasaan dan nilai-nilai yang sama. Sebagai contoh, prinsip kelima Rukun Negara, iaitu kesopanan dan kesusilaan yang menekankan personaliti dan tingkah laku seseorang. Sifat ini amat penting dalam konteks perhubungan antara satu sama lain dalam masyarakat pelbagai kaum (Berita Harian, 7 Jan 2017). Pengamalan Rukun negara yang kelima ini akan mewujudkan perhubungan yang harmoni dalam masyarakat. Rakyat yang bersopan santun dan bertatasusila dapat membentuk masyarakat yang bersatu padu. Perkara ini sangat penting dalam mewujudkan masyarakat yang menghormati dan menyayangi kaum lain yang bersesuaian dengan Malaysia yang terdiri daripada masyarakat majmuk. Malah, rakyat harus saling mengenali adat resam dan menghormati nilai budaya kaum lain supaya tidak menyinggung perasaan masing-masing.

Nilai murni berbudi bahasa ditekankan terhadap masyarakat kerana merupakan salah satu nilai yang menjadi teras perpaduan yang sangat penting. Zainal Kling (1995) berpendapat, bahawa manusia Melayu melihat rupa dan paras jiwa itu dalam berbentuk budi, iaitu satu peribadi yang mengandungi akal dan rasa. Konsep budi sebagai alam jiwa terdapat dalam budaya Melayu yang menjadi struktur dalaman masyarakat Melayu. Hal ini kerana, berbudi tidak terbatas kepada kelompok kanak-kanak atau orang muda sahaja, malah merangkumi semua golongan masyarakat yang pelbagai bangsa. Tambahan pula, budi bahasa adalah antara aspek peribadi seseorang individu yang dinilai tinggi oleh masyarakat. Pencernaan peribadi tersebut melahirkan perpaduan dalam masyarakat majmuk dapat dilihat dalam pertuturan dan pemilihan kata-kata yang digunakan menggambarkan perpaduan diungkapkan dalam pantun berikut:

Anak dara Membuat sketsa,
Markah dikira oleh si Leman;
Sentiasa amalkan budi bahasa,
Supaya negara sentiasa aman.
(*Pantun Warisan*, 2013: 16)

Anak rusa mandi di paya,
Paya indah tiada cemari;
Berbudi bahasa suatu budaya,
Menjaga maruah negara ini.
(*Pantun Warisan*, 2013: 20)

Berjalan sebentar singgah di muara,
Joran dan umpan turut dibawa;
Budi bahasa identiti negara,

Jadikan Malaysia negara berwibawa.
(*Pantun Warisan*, 2013: 89)

Pantun tersebut menggambarkan masyarakat yang mementingkan nilai budi bahasa dalam menjaga keamanan dan maruah negara. Melalui nilai murni berbudi bahasa dapat mewujudkan perpaduan antara masyarakat berbilang kaum di negara ini. Rangkai kata “sentiasa” yang digunakan tersebut menggambarkan bahawa nilai budi bahasa ini bukan mengikut masa-masa tertentu tetapi penerapan nilai ini berlaku secara berterusan dalam apa jua keadaan. Seterusnya, rangkap “berbudi bahasa suatu budaya” yang merujuk kepada ungkapan “budi bahasa budaya kita” yang sering diungkapkan yang bertujuan untuk menyatakan kepentingan budi bahasa dalam masyarakat. Masyarakat yang mengamalkan budaya berbudi bahasa akan saling menghormati tidak kira apa jua warna kulit, taraf dan agama. Hal ini akan akan melahirkan masyarakat yang hidup harmoni dan aman walaupun terdapat perbezaan budaya, adat dan kepercayaan.

Di samping itu, nilai murni bersatu padu juga merupakan teras perpaduan dalam kepelbagaian kaum dalam sesebuah negara. Bersatu padu merupakan salah satu aspek yang amat dititik beratkan dalam mengamalkan perpaduan di negara ini. Bersatu padu membawa maksud apabila sesuatu kumpulan atau kelompok bergabung atau berkumpul hingga menjadi kukuh. Banyak faedah yang diperoleh apabila rakyat Malaysia hidup dalam keadaan bersatu-padu. Antaranya ialah kita dapat hidup dengan aman dan tenteram. Pantun berikut menggambarkan sikap bersatu padu dalam kalangan masyarakat di negara Malaysia.

Alunan lagu irama sendu,
Rindu lirik kasih sanjungan;
Kalau bersatu kukuh berpadu,
Pekerjaan berat menjadi ringan.
(*Pantun Warisan*, 2013: 12)

Anak beruk di atas batu,
Anak angsa bawa bendera;
Rakyat hidup bersatu-padu,
Maju bangsa, maju negara.
(*Pantun Warisan*, 2013: 14)

Buah durian jangan dibawa,
Jangan diangkat sama sekali;
Teguh, bersau semai di jiwa,
Tanda sepakat membina negeri.
(*Pantun Warisan*, 2013: 95)

Pantun yang tersebut menunjukkan bahawa apabila masyarakat di negara ini mengamalkan sikap bersatu padu, maka segala pekerjaan yang berat akan menjadi ringan. Malah melalui sikap bersatu padu juga sesebuah bangsa dan negara akan mencapai negara yang stabil, aman, maju dan makmur. Hal ini kerana semua kaum dan pelbagai bangsa akan bersatu,

berkerjasama dan saling bertoleransi dalam semua hal sama ada politik, ekonomi dan pembangunan sesebuah negara yang memberi kesan kepada negara.

Konsep bersatu padu adalah komponen asas yang menguatkan semangat dan sebagai teras perpaduan dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum. Nilai bersatu padu ini seharusnya mendasari cara hidup rakyat Malaysia untuk mencapai sebuah negara maju. Sikap bersatu padu ini boleh diterapkan kepada masyarakat di Malaysia dengan pelbagai cara, contohnya melalui bidang pendidikan yang berfungsi membimbang dan mendidik pelajar-pelajar di sekolah ke arah perpaduan. Sekolah memainkan peranan sebagai institusi penting bagi mencapai matlamat tersebut melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana dalam proses pembinaan generasi baru Malaysia yang bersatu padu perlulah dipupuk dari sekolah lagi untuk melahirkan generasi seterusnya dalam konteks perpaduan dalam masyarakat.

Selain daripada sikap bersatu padu, sikap menghormati jiran juga adalah tergolong dalam teras perpaduan di negara ini. Jiran tetangga adalah orang yang tinggal berdekatan dengan kita. Jiran muncul apabila penempatan itu dihuni oleh manusia yang lain yang juga tinggal berhampiran dengan rumah yang dihuni oleh kita. Secara ringkas, jiran dalam makna yang lebih luas merujuk kepada orang atau individu yang tinggal bersempadan antara satu sama lain yang mungkin ada di kawasan yang kecil seperti kampung, mukim atau daerah dan konsep jiran sebagai pencetus komuniti juga wujud di bandar dan bandar-bandar besar (Mohd Syariehudin Abdullah, Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor, 2013: 60). Agama Islam amat menitik beratkan hubungan harmoni dan persaudaraan di antara satu sama lain dan agama Islam juga merupakan sebaik-baik agama yang menghubungkan pertalian dan kebaikan di antara sesama manusia. Pantun berikut merupakan antara beberapa contoh pantun yang menasihati masyarakat agar saling menghormati jiran tetangga.

Anak serani pergi ke kota,
Pergi berempat elok berpaket;
Kekalkan harmoni sesama kita,
Jiran sepakat membawa berkat.

(*Pantun Warisan*, 2013: 21)

Ayah ke pasar membeli durian,
Durian dibeli di Pasar Tani;
Berbuat baik sesama jiran,
Supaya hidup lebih harmoni.

(*Pantun Warisan*, 2013: 30)

Berpakaian baharu Nampak ceria,
Bergaya pula bersama rakan;
Membantu jiran amalan mulia,
Hulur bantuan semasa diperlukan.

(*Pantun Warisan*, 2013: 91)

Kedua-dua pantun di atas menunjukkan bahawa apabila setiap individu perlu menghormati, berbuat baik dan hidup sepakat sesama jiran tetangga maka sudah pasti kehidupan di kawasan tersebut lebih harmoni dan berkat. Ini selaras dengan kenyataan Perdana Menteri Tun Dr. Mahathir Bin Mohamad dalam ucapan di Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang ke-73 di New York, yang menjelaskan bahawa rakyat idamkan Malaysia Baharu

yang berpegang teguh dengan kerjasama berasaskan prinsip saling menghormati untuk keuntungan bersama (Perdana Digital, 2018:4).

Manusia secara fitrah hidup bermasyarakat dan berkelompok kerana setiap orang harus saling menghormati di antara satu sama lain dalam menjalani kehidupan. Tidak mungkin seorang individu boleh hidup seorang diri tanpa perlu berurusan dengan orang lain selama dia tinggal dalam sebuah masyarakat. Menghormati jiran tetangga ialah perintah dari Allah SWT serta termasuk salah satu tanda keimanan walaupun jiran tersebut bukanlah beragama Islam. Malah, melalui nilai hormat-menghormati dapat memberikan ruang kepada setiap kaum di negara ini mengamalkan adat dan budaya masing-masing yang menjadi teras perpaduan. Nilai murni hormat-menghormati digambarkan dalam pantun berikut:

Ke hutan simpan melihat rusa,
Rusa makan di tepi sumur;
Hormati kaun berbilang bangsa,
Baru hidup aman, makmur.

(Pantun Warisan, 2013: 212)

Ke Sungai Mati awal pagi,
Bertolak segera hari selasa;
Saling hormati amalan terpuji,
Tidak mengira agama atau bangsa.

(Pantun Warisan, 2013: 214)

Pokok redup tempat selesa,
Tempat menanti rakan sejati;
Kita hidup berbilang bangsa,
Saling hormati amalan murni.

(Pantun Warisan, 2013: 344)

Rangkap-rangkap pantun tersebut memperlihatkan beberapa kepentingan amalan nilai hormat-menghormati antara satu sama lain dalam melahirkan perpaduan. Rangkap pantun menerangkan bahawa dalam kehidupan bermasyarakat yang terdiri daripada pelbagai kaum, bangsa dan agama perlulah saling hormat-menghormati antara satu sama lain bagi mencapai kemakmuran dan keamanan dalam negara. Sikap saling hormat menghormati ini merupakan amalan yang mulia, terpuji dan murni yang perlu ada pada setiap diri dalam kehidupan bermasyarakat pelbagai bangsa dan agama. Hal ini kerana dengan adanya sifat hormat-menghormati terhadap budaya serta kepercayaan pelbagai bangsa adalah penting dalam usaha mencapai wawasan negara maju seterusnya memantapkan ikatan perpaduan sesebuah negara.

Malah, sikap saling hormat-menghormati ini merupakan teras perpaduan yang mempunyai sikap sedia menerima keistimewaan kepelbagaian bangsa di antara satu sama lain. Dalam erti kata lain, senario masyarakat majmuk di Malaysia ini disatukan dengan sikap saling hormat-menghormati yang wujud dalam diri setiap insan. Perkara ini kerana sikap hormat-menghormati dapat memperkuuhkan perpaduan dan mengelakkan persengketaan ketika berlakunya komunikasi dan perhubungan dalam masyarakat yang majmuk di Malaysia. Melalui sikap hormat menghormati ini akan mewujudkan sikap tolong-menolong dalam kalangan masyarakat majmuk. Pantun berikut menunjukkan sikap tolong-menolong yang perlu ada dalam diri setiap insan.

Cantik sekali pemakai kalung,

Hadiah tunang sebelum berpisah;
Hidup mesti tolong-menolong,
Bersama senang bersama susah.

(*Pantun Warisan*, 2013: 118)

Cantik sungguh baju itu,
Ada dijual di seluruh kota;
Marilah kita saling membantu,
Mengeratkan hubungan antara kita.

(*Pantun Warisan*, 2013: 118)

Indah nian lampu di kota,
Limpahan cahaya bersinat hebat;
Tolong menolong budaya kita,
Jadi amalan sendi muafakat.

(*Pantun Warisan*, 2013: 186)

Pantun tersebut merupakan manifestasi nilai murni tolong-menolong atau bantu-membantu antara satu sama lain dalam kehidupan masyarakat majmuk khususnya di Malaysia. Sikap tolong-menolong merujuk kepada proses membantu mengurangkan atau menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh seseorang sama ada dari aspek kewangan, tenaga, fikiran dan lain-lain yang memerlukan bantuan. Kepentingan sikap tolong menolong dipaparkan dalam rangkap pantun yang bermaksud sesuatu perkara saling bantu-membantu sama ada senang atau susah, dapat mengeratkan hubungan dan memupuk nilai-nilai murni sebagai asas muafakat dalam masyarakat berbilang bangsa ke arah mencapai perpaduan kaum.

Tambahan pula, sikap tolong-menolong amat lazim diamalkan oleh masyarakat berbilang bangsa dapat memupuk cara hidup yang baik, bertimbang rasa dan sikap prihatin dapat melahirkan masyarakat dan negara yang lebih makmur. Nilai penting ini sering diungkapkan oleh masyarakat Melayu menerusi peribahasa atau perbilangan seperti “berat sama dipikul, ringan sama dijinjing” yang menekankan konsep kerjasama dalam melakukan sesuatu perkara. Berkaitan dengan sikap tolong-menolong ini menuntut anggota masyarakat itu agar bermuafakat, bertolak ansur dan berlapang dada supaya kegiatan tolong-menolong dapat dilaksanakan bagi mencapai perpaduan dalam masyarakat.

Selain itu, nilai murni muafakat juga menjadi teras perpaduan dalam kepelbagaiannya kaum dalam sesebuah negara. Muafakat menurut *Kamus Dewan Edisi Keempat*: (i) seja sekata, setuju; (ii) sesuatu yang dipersetujui; persetujuan (iii) pembicaraan; rundingan. Oleh itu, bersandarkan maksud tersebut, muafakat adalah merujuk kepada perbuatan bermuafakat sesama anggota masyarakat di Malaysia yang terdiri dari pelbagai kaum dalam menyelesaikan sesuatu masalah yang dihadapi. Dengan erti kata yang lain, untuk mencapai perpaduan di Malaysia yang berbilang kaum mestilah bersatu hati dan bermuafakat dalam pelbagai hal antara satu sama lain untuk menyatukan dan menjadi satu negara yang kuat. Perihal muafakat ini dipaparkan dalam pantun berikut:

Bila melihat cahaya pelita,
Terasa benar raya nak dekat;
Hidup bersahabat amalan mulia,
Masyarakat aman hidup muafakat.

(*Pantun Warisan*, 2013: 93)

Bersinar lampu suluh merata,
Rumah api di pinggir selar;

Muafakatlah kita seja sekata,
Nilai murni memberi manfaat.
(*Pantun Warisan*, 2013: 92)

Cantik ukiran besi tempawan,
Keliling pagar istana kerabut;
Muafakat teraju bina perpaduan,
Minda segar gerak masyarakat.
(*Pantun Warisan*, 2013: 120)

Pantun tersebut menggambarkan masyarakat yang mementingkan nilai murni muafakat untuk mencapai persetujuan dalam pelbagai hal. Nilai murni ini sangat penting untuk mewujudkan perpaduan dalam masyarakat. Usaha untuk membina perpaduan melalui permuafakatan dapat memelihara keamanan dan kemakmuran negara daripada pertelingkahan dan perbezaan pendapat dalam satu-satu perkara. Melalui pepatah “bersatu teguh bercerai roboh” menggambarkan kepentingan muafaka yang jelas menunjukkan konsep kerjasama dalam mencapai perpaduan bagi menjamin keharmonian hidup dalam masyarakat pelbagai kaum. Justeru itu, nilai murni muafakat dalam kalangan masyarakat pelbagai kaum harus diperkuatkkan untuk mencapai perpaduan dengan mengelak berlakunya perpecahan, kehancuran dan pergaduhan dalam masyarakat pelbagai bangsa di Malaysia.

Di samping itu, nilai murni bergotong-royong juga merupakan salah satu teras dalam mencapai perpaduan dalam masyarakat berbilang kaum. Gotong-royong merupakan satu sikap positif dengan melakukan aktiviti berkumpulan atau bersama-sama secara sukarela. Aktiviti gotong-royong ini dapat melahirkan perpaduan dalam masyarakat. Hal ini kerana melalui aktiviti ini dapat menjalankan dan memperkuatkkan semangat kejiranan tanpa mengira perbezaan bangsa dan agama akan bersama-sama menjalankian aktiviti yang sama. Berkaitan dengan nilai murni gotong-royong diperlihatkan dalam pantun berikut:

Berhenti hujan keluar kelkatau,
Kepak berguguran lekat di tangan;
Bergotong royong, bantu-membantu,
Kerja yang berat menjadi ringan.
(*Pantun Warisan*, 2013: 88)

Labu sayong barang jualan,
Dijual sekali makanan setempat;
Bergotong-royong suatu amalan,
Agar silaturahim menjadi erat.
(*Pantun Warisan*, 2013: 232)

Makan, minum tidak menentu,
Asyik teringat pada si dia;
Bergotong-royong saling membantu,
Pengerat hubungan sesama manusia.
(*Pantun Warisan*, 2013: 242)

Pantun tersebut menunjukkan perpaduan dapat dicapai melalui nilai murni bergotong-royong. Sikap bergotong-royong melahirkan sikap bekerjasama dan mewujudkan hubungan yang

erat dalam masyarakat. Perkara ini kerana aktiviti bergotong-royong adalah satu aktiviti yang baik dalam memupuk perpaduan kaum dalam kalangan penduduk dalam kawasan komuniti kejiran yang terdiri dari pelbagai bangsa dan agama. Tambahan juga, aktiviti bergotong-royong ini dapat menyatupadukan penduduk setempat kepada satu tujuan yang murni seperti menjaga kebersihan, memelihara alam sekitar, membantu jiran dan lain-lain lagi. Oleh itu, wajarlah nilai murni bergotong-royong menjadi amalan bagi masyarakat berbilang kaum hidup bersatu padu dan hidup harmoni dalam sebuah negara.

Justeru itu, sikap bergotong-royong dalam masyarakat dapat dihati sebagai cara masyarakat dalam mencapai perpaduan sebuah negara yang terdiri dari pelbagai kaum. Perpaduan kaum dapat dicapai dengan adanya nilai-nilai murni pada setiap individu diamalkan dalam kehidupan seharian. Perpaduan dalam masyarakat juga diibaratkan sebagai tiang kemakmuran dan kedamaian negara di samping menyumbang kepada keamanan dan kestabilan negera. Perkara ini menjadi manifestasi perpaduan yang diungkapkan oleh masyarakat melalui pantun sebagai salah satu medium untuk menyampaikan perasaan dan semangat perpaduan kepada masyarakat di negara ini.

KESIMPULAN

Kumpulan Pantun Warisan Khazanah Budaya Bangsa (2013), banyak memaparkan aspek perpaduan masyarakat. Penerapan nilai ini bukan sahaja terhad kepada masyarakat yang mengamalkan pantun tersebut tetapi juga bersifat secara menyeluruh kerana ciri pantun itu sendiri adalah bersifat kolektif, iaitu hak milik bersama. Justeru, berdasarkan perbincangan di atas, dapat disimpulkan bahawa aspek perpaduan yang diketengahkan adalah bagi memperlihatkan kepentingan menjaga keharmonian negara dengan mengamalkan beberapa nilai murni antaranya seperti berbudi bahasa, hormat menghormati, bersatu padu, bekerjasama gotong-royong, tololong menolong dan bermuafakat. Nilai-nilai sebegini perlu diterapkan dan diteruskan dalam membina masyarakat harmoni dalam era Malaysia baharu, agar kesatuan dalam kepelbagaiannya dapat direalisasikan secara baik dalam menegakkan hak dan tanggungjawab dalam pelbagai kaum di Malaysia.

RUJUKAN

- Abdul Rahman Ismail. 2007. *Malaysia Sejarah Kenegaraan dan Politik*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azam Hamzah, 1990, Tamadun Islam: Konsep dan Pencapaiannya, Shah Alam: Hizbi.
- Chew Fong Peng, 2007. Sastera Melayu dan Prasangka Etnik: Isu-Isu dan Persoalan. *Masalah Pendidikan* 2007, 30(1), 61-78.
- Chew Fong Peng, 2009. Pendidikan Sastera Perpaduan Menerusi KOMSAS Tingkatan 4: Pelaksanaan dan Kesannya. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(2), 15 – 31.
- Ding Choo Ming. 2005. Perpaduan Kaum dan Toleransi Agama di Malaysia. *Pemikir*, Julai-September: 15-36.

Hishamudin Isam dan Mashetoh Abd Mutualib. 2015. Memahami Pemikiran Melayu Melalui Pembingkaian Makna Leksis Darah Dalam Peribahasa. *Jurnal Melayu*. 14(2), 190-201.

Lee Lam Thye. 7 Jan 2017. Rukun Negara Panduan Pupuk Perpaduan Kaum. *Berita Harian*. <https://www.pressreader.com/malaysia/berita-harian5831/20170107/282548722951766>

Mohd Rashid Md Idris. 2011. Nilai Melayu dalam Pantun. Tanjung Malim, Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2018. Pemuliharaan Warisan Budaya Melalui Perundangan Warisan Dan Agensi Pelaksana Di Malaysia. *Jurnal Melayu*. 17(2), 143-159.

Nirwana Sudirman, Zulkifley Hamid. 2016. Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perenggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu*. 15(2), 145-159.

Wan Ab. Kadir wan Yosoff. 1996. Manifestasi Minda Masyarakat. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu.

Mohd Jamil Mukmin (ed.). 2013. Pantun Warisan: Khazanah Budaya Bangsa. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP).

Mohd Syariefudin Abdullah, Mohd Mahadee Ismail & Mansor Mohd Noor. 2013. Kesepadan Sosial dan Kejiraninan Di Kawasan Rukun Tetangga. *Jurnal Kinabalu*. 19, 54-75.

Perdana Digital, 2018. Diperolehi pada 24 November 2018.<https://www.pmo.gov.my/MalaysiaBaharu.pdf>.

Zainal Kling. 1995, Mei. Manusia Melayu, alam dan tamadunnya. Kertas kerja dibentangkan di Seminar Sastera, Melaka, Malaysia.

Zuraidah Abdullah, Zahir Ahmad & Nuwairi Khaza'ai. 2012. Pantun dan Ungkapan Melayu Sebagai Wahana Kepimpinan Melayu ke Arah Pembanguna Modal Insan. *Jurnal Melayu*, (9), 155-170.

Biodata Penulis:

Madiawati Mamat@Mustafa, Nurhamizah Hashim dan **Eizah Mat Hussain** adalah pensyarah daripada Jabatan Kesusastraan Melayu, Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.